

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERTHORMAT DATUK MARTIN BEN  
TIMBALAN MENTERI INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI DAN  
PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK  
MERANGKAP AHLI DEWAN UNDANGAN SARAWAK N22 KEDUP**

**BERSEMPENA DENGAN**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KOMUNITI PENCEGAHAN DAN  
PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT SEMPENA HARI  
ALAM SEKITAR NEGARA 2024**

**TARIKH:**

**28 SEPTEMBER 2024**

**TEMPAT:**

**KG TERBAT LEBAN, TEBEDU, BAHAGIAN SERIAN  
SARAWAK**

## **Salutation**

1. Yang Berhormat Datuk Martin Ben  
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi Dan Pembangunan Wilayah Sarawak Merangkap Ahli Dewan Undangan Sarawak N22 Kedup
2. Yang Berusaha En. John Anak Rampai  
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Sarawak
3. En. Abdul Khalid Manap, Timbalan Residen Bahagian Serian
4. Yang Berusaha En. Gerard George Entigar, Pegawai Daerah Tebedu
5. Wakil/Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri
6. Para penduduk berhampiran
7. Ahli-ahli Majlis (Councillor)
8. Ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kaum, tua-tuai rumah, JKKK Kampung berhampiran
9. Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak kerana sudi menjemput saya untuk hadir merasmikan Majlis Perasmian Program Komuniti Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2024 pada hari ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para jemputan, semua wakil/ketua dari agensi/ jabatan persekutuan dan negeri, JKKK pada hari ini yang sudi meluangkan masa menghadiri program ini. Saya amat berbesar hati kerana kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi menyahut seruan Kerajaan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Hadirin sekalian,

## **HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN)**

3. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun. Pada tahun ini, tema Hari Alam Sekitar Negara masih mengekalkan tema 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama' bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat agar sama-sama meraikan semangat kecintaan kepada alam sekitar.
4. Tema ini mengingatkan kita bahawa alam sekitar bukanlah milik segelintir pihak atau tanggungjawab individu tertentu sahaja, tetapi milik kita semua. Setiap seorang daripada kita memainkan peranan penting dalam memelihara dan melindungi anugerah berharga ini. Sebagai umat manusia yang diberi kelebihan untuk mentadbir bumi, kita mesti ingat bahawa setiap langkah dan tindakan kita terhadap alam sekitar akan membawa kesan sama ada positif mahupun negatif.

### ***Objektif HASN***

5. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara menyasarkan pelbagai lapisan masyarakat iaitu kanak-kanak, pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi, badan-badan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat, agensi kerajaan dan swasta, industr dan orang awam dengan objektifnya:

- a) Mempromosikan Pendidikan dan kesedaran alam sekitar;
- b) Menyediakan platform keada warga Malaysia bersama-sama menghayati dan menjaga alam sekitar;
- c) Mengiktiraf mereka yang telah memberi jasa kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
- d) Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

### ***Ancaman dan kesan pencemaran alam sekitar***

6. Pembakaran terbuka, pencemaran udara, pencemaran sungai, pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab dan penggunaan sumber alam yang tidak lestari adalah contoh ancaman yang dihadapi oleh bumi kita hari ini. Ada di antara kesan dan ancaman pencemaran ini telah dan sedang kita hadapi, misalnya kesan perubahan iklim dan pemanasan global (mukabumi menjadi panas).

### **PEMBAKARAN TERBUKA DAN PENCEMARAN UDARA**

7. Pembakaran terbuka merupakan antara penyumbang utama terhadap kemerosotan kualiti udara yang boleh memudaratkan kesihatan awam dan menjejaskan ekonomi. Cuaca panas dan kering ketika ini menyebabkan risiko tinggi berlakunya kebakaran di kawasan-kawasan yang mudah terbakar seperti kawasan pertanian tanah gambut dan tapak

pelupusan sampah. Pembakaran hasil sisa perladangan dan juga sampah secara terbuka dapat melepaskan pelbagai pencemar ke udara dan menyumbang kepada masalah Jerebu.

### ***Indeks Pencemar Udara (IPU)***

8. Berdasarkan cerapan dari Stesen Pemantauan Kualiti Udara di seluruh Sarawak minggu lepas, beberapa stesen telah mencatat bacaan kualiti udara dalam kategori tidak sihat termasuk stesen di Serian. Ini bermakna pada masa tersebut indeks kualiti udara adalah di antara 101 – 200. Di antara punca yang menyebabkan penurunan kualiti udara terbabit adalah gabungan punca tempatan dan pengaruh pergerakan angin dari luar.

### ***Kepentingan alam sekitar dan udara yang bersih***

9. Dalam kehidupan seharian, manusia sangat bergantung kepada udara dan amat sukar untuk menyatakan bahawa keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan manusia tidak bergantung sepenuhnya kepada kemampunan alam sekitar. Hal ini kerana alam sekitar yang mampan mampu menawarkan suasana yang menjamin kesejahteraan kesihatan. Namun, kesan negatif akibat daripada proses pembangunan yang semakin pesat telah menyebabkan pencemaran alam sekitar khususnya udara yang mendatangkan kesan negatif yang menggugat kesihatan manusia.

10. Justeru, semua pihak perlu menjalankan obligasi masing-masing dalam memastikan pencemaran udara dibendung dan setiap tindakan kita tidak menyumbang kepada untuk berlakunya pencemaran. Antara lain, setiap dari kita perlu bersikap proaktif dan saling bantu-membantu untuk mengelakkan episod pencemaran udara.

Hadirin sekalian,

## **KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (BEE)**

11. Buangan Elektrik dan Elektronik (BEE) atau *e-waste* merupakan barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi atau lama / usang seperti telefon bimbit, komputer, televisyen, mesin basuh, peti sejuk dan pendingin hawa. Komponen di dalam *e-waste* mengandungi bahan-bahan toksik dan berbahaya seperti merkuri, plumbum, kadmium, arsenik, bromin, berlium, dan pelbagai lagi.

### ***Kesan e-waste dilupus dengan tidak sempurna***

12. Jika *e-waste* dibuang tanpa menggunakan kaedah yang mesra alam seperti buang ke dalam sungai, ke tapak pelupusan, membakar secara sesuka hati atau diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya, *e-waste* ini berupaya meresap ke dalam bumi dan seterusnya ke sumber air serta boleh menjejaskan kesihatan kita, menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar serta menjejaskan kehidupan akuatik.

### ***Kempen pengumpulan e-waste***

13. Oleh itu, untuk memastikan pelaksanaan sistem pengurusan *e-waste* yang lestari, orang awam adalah disarankan untuk menghantar *e-waste* dari isi rumah ke mana-mana pusat pengumpulan yang berdaftar atau kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk diproses atau dikitar semula secara selamat dan mesra alam.

14. Setakat ini ada 5 pusat pengumpulan *e-waste* yang diberi kelulusan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu 4 di Kuching dan satu di Miri. Pada masa

yang sama Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Sumber Asli Sarawak (NREB) dan pihak berkuasa tempatan bekerjasama dengan kontraktor yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar mempergiatkan kempen pengumpulan e-waste dari isi rumah bagi memastikan e-waste diurus dan dilupus dengan sempurna dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Hadirin sekalian,

### **ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

15. Bagi mengurangkan dan seterusnya mengatasi masalah pencemaran alam sekitar, maka marilah kita bersatu dan bekerjasama dalam menjaga alam sekitar. Ia juga bermakna setiap individu, keluarga, organisasi dan pihak berkuasa mempunyai peranan yang tidak boleh diabaikan. Dari langkah-langkah kecil seperti mengurangkan penggunaan plastik, memulakan amalan kitar semula, hingga ke tindakan yang lebih besar seperti melibatkan diri dalam program pemeliharaan alam sekitar seperti penanaman pokok dan pembersihan sungai - semuanya penting.

16. Pada kesempatan ini, marilah kita memperbaharui komitmen kita untuk memelihara alam sekitar dan memahami bahawa setiap usaha kecil yang kita lakukan bersama akan membawa perubahan besar. Alam sekitar yang terpelihara bukan hanya menjamin kesejahteraan kita hari ini, tetapi juga masa depan anak cucu kita.

17. Saya juga ingin menyeru kepada pihak-pihak berwajib untuk terus mempergiatkan usaha mendidik masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar, serta menguatkuasakan undang-undang alam sekitar dengan tegas. Hanya dengan kerjasama antara semua pihak, kita dapat memastikan kelestarian bumi untuk generasi akan datang.

18. Saya percaya dan sentiasa menaruh harapan supaya semua lapisan masyarakat turut berganding bahu untuk bersama-sama dalam usaha melestarikan alam sekitar serta memberikan komitmen sepenuhnya dalam mematuhi apa jua peruntukan perundangan pengurusan alam sekitar yang terdapat di Negeri Sarawak khususnya dan di Malaysia umumnya.

### **PENUTUP**

19. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab kita sebagai penduduk di bumi ini khususnya negara kita Malaysia bagi memastikan alam sekitar terpelihara agar manfaatnya dapat dirasai generasi masa depan. Harapan saya agar program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang, pengisian-pengisian program yang lebih pelbagai serta memberikan impak yang lebih besar.

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar Sarawak dan Pejabat Daerah Tebedu serta semua agensi kerajaan dan para penduduk yang terlibat dalam menjayakan program ini.

21. Semoga program ini dapat menyemai dan meningkatkan kesedaran kita semua untuk sama-sama menjaga alam sekitar untuk manfaat kita bersama. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Komuniti Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2024.

**“ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Sekian, terima kasih.